



Ruj. Kami: ANM.NS.100-1/5/3( 29 )  
Tarikh : 22 Julai 2021

**Semua Ketua Jabatan  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN  
BIL. 7 TAHUN 2021: SEMAKAN TERPERINCI SEMASA PENYEDIAAN PESANAN KERAJAAN  
DAN ARAHAN PEMBAYARAN.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 3 Tahun 2021 rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/13(9) bertarikh 22 Jun 2021 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada kekerapan kuiри semasa proses Semak AO dan penemuan-penemuan naziran yang telah dilaksanakan di Pusat Tanggungjawab (PTJ), didapati terdapat kesilapan yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti berikut:

- i. Penggunaan **kod akaun** hendaklah **bertepatan** dengan **perihal bayaran** di Pesanan Kerajaan atau Arahan Pembayaran. Sila rujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 Lampiran A Para 2.14;
- ii. **Perihal** pada Arahan Pembayaran hendaklah dicatatkan **nombor invoice** dan **tarikh invoice**. Sila rujuk Surat Arahan Operasi JANM Negeri Sembilan Bil. 13 Tahun 2020 rujukan ANM.NS.100-1/5/3(13) bertarikh 4 September 2020;
- iii. Penggunaan **Jenis Urusniaga** Arahan Pembayaran **hendaklah tepat**. Contohnya: Bayaran Elaun Penceramah yang merupakan penjawat awam hendaklah menggunakan Jenis Urusniaga Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6) dan bukannya Jenis Urusniaga Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2). Selain itu, jenis urusniaga bagi Rekupmen Panjar Wang Runcit adalah C4 kecuali bagi Panjar Khas;
- iv. **Struktur nombor akaun bank penerima** bayaran **hendaklah tepat**. Semakan teliti hendaklah dilakukan ke atas **bilangan digit nombor akaun** mengikut bank. **Ruangan nombor akaun bank** penerima hendaklah **dikemaskini** bagi penggunaan kod pembekal *One Time Vendor* (OTV) dan sistem akan *default* kepada nombor akaun 999999 sekiranya nombor akaun bank tidak dikemaskini.

- v. Memastikan nama penjawat awam (merujuk kepada kod pembekal EMPLOYEE – 5 siries) tidak boleh dicatatkan sebagai penerima bayaran pada sesuatu baucar selain gaji, pendahuluan dan pinjaman atau tuntutan bayaran balik yang lain;
  - vi. Bagi pembayaran AP58(a) di Arahan Pembayaran, kotak AP58(a) perlu ditanda. Nombor rujukan dan tarikh sijil kelulusan AP58(a)/ surat kelulusan khas perlu dicatatkan di ruangan perihal bayaran dan boleh disambung di ruangan kuiri sekiranya tidak mencukupi dan;
  - vii. Bagi pembayaran AP96(a), kotak AP96(a) perlu ditanda. Nombor dan tarikh kelulusan AP96(a) hendaklah dicatat di perihal Arahan Pembayaran dan boleh disambung di ruangan kuiri sekiranya tidak mencukupi.
3. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan proses penyediaan Pesanan Kerajaan dan Arahan Pembayaran dapat disemak dengan teliti bagi mengelakkan kuiri semasa proses Semak AO atau menjadi penemuan oleh pasukan naziran pejabat ini.
4. Perhatian tindakan daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MASAYU BINTI MUSTAFA c.A (M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan